



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC) & JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

KUALITI UDARA BERTAMBAH BAIK SETELAH PEMBAKARAN TERBUKA DI KUALA BARAM, MIRI, BERJAYA DIPADAMKAN

30 OGOS, MIRI – Kualiti udara di Kuala Baram bertambah baik setelah operasi bersepadu oleh agensi-agensi kerajaan berjaya memadamkan kebakaran pada 27 Ogos 2019.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa memantau kualiti udara pada setiap jam.

Stesen pemantauan kualiti udara di ILP Miri dan SK Kuala Baram 2 menunjukkan penurunan bacaan IPU hasil usaha penyelarasan dan tindakan pemadaman kebakaran yang telah dilaksanakan secara bersepadu oleh pelbagai agensi/pihak pada peringkat negeri dan persekutuan. Faktor cuaca yang mendung dan hujan sementara dijangka berlanjutan hingga 31 Ogos ini, membantu memadam kebakaran serta melembapkan kawasan sekitar.

Pada pukul 10.00 pagi 30 Ogos 2019, Indeks Pencemar Udara (IPU) di Stesen ILP Miri mencatatkan bacaan **65** iaitu pada tahap sederhana, manakala Stesen SK Kuala Baram 2 pula telah mencatatkan bacaan **53** iaitu pada tahap sederhana dan 11 stesen lagi menunjukkan bacaan baik dan sederhana.

Bacaan IPU paling tinggi yang telah dicatatkan di stesen ILP Miri iaitu 415 pada 26 Ogos lalu. Peningkatan bacaan IPU secara mendadak adalah disebabkan oleh kebakaran yang berlaku berdekatan dengan stesen pengawasan kualiti udara ILP Miri tetapi keadaan hanya bersifat sementara.

MESTECC telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan pada 2 Ogos 2019 bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

MESTECC menyeru Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan serta semua pemilik tanah supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri. Mereka juga digesa untuk mengambil langkah-langkah mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja. Sikap berjaga-jaga ini penting kerana cuaca panas dan kering boleh mengundang kebakaran.

Orang awam diingatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka yang mana boleh diambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 29(A). Kesalahan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000.00 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

MESTECC merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam operasi pemadaman pembakaran terbuka di Kuala Baram khususnya:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak;
- ii. Pejabat Residen Miri;
- iii. Pejabat Daerah Miri;
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- v. Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- vi. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG);
- vii. Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB);
- viii. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS);
- ix. Majlis Perbandaran Miri;
- x. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA);
- xi. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (MMEA);
- xii. Angkatan Pertahanan Awam (APM);
- xiii. Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
- xiv. Pasukan *Emergency Response* Naim Holdings Sdn. Bhd. (ERT Naim);
dan
- xv. Shin Yang Sdn. Bhd.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Julaiha Jumal
Ketua Cawangan Miri
Jabatan Alam Sekitar Sarawak
No. Tel: 085426994 / 085-427994

Dikeluarkan pada 30 Ogos 2019, 11.00 pagi